

# Tiga lagi rekod olahraga berjaya dipecah

KUALA LUMPUR - Tiga lagi rekod kejohanan berjaya dipecah dalam acara olahraga pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2014 di Stadium Arena Universiti Malaya di sini semalam.

Pemenang pingat emas Sukan SEA, Nauraj Singh Randhawa yang mewakili Universiti Malaya (UM) menjuarai acara lompat tinggi dengan catatan rekod baharu kejohanan 2.04 meter, mengatasi catatan 1.78m sebelum ini.

Pingat perak menjadi milik A. Kavee Alagan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan catatan 2.00m, manakala Moemedi Kabo dari Universiti Tenaga Nasional (Uniten) meraih gangsa dengan rekod 1.92 meter.

"Ini merupakan kejohanan pertama saya tahun ini dan banyak lagi yang perlu saya perbaiki. Saya akan berusaha lebih kuat selepas ini demi mencapai matlamat untuk melayakkan diri ke Sukan Komanwel.

"Setakat ini latihan saya berlangsung dengan baik dan berharap tiada apa yang akan mengganggu persediaan saya," katanya.



Rekod baharu lempar cakera kini menjadi milik atlet kebangsaan Muhammad Irfan Shamsuddin yang mewakili UM dengan catatan 48.05 meter mengatasi rekod 38.83m sebelum ini manakala perak menjadi milik Goh Wei Kiang dari Kolej Komuniti Johor dengan catatan 35.34 dan wakil UPM membawa pulang gangsa dengan catatan 35.08m.

Muhammad Irfan menyatakan bahawa dia tidak begitu bersedia untuk SukIPT 2014 kerana hanya sempat menjalani latihan selama seminggu sejak pulang dari temasya Sukan SEA Myanmar.

"Pada tahun ini saya akan beri tumpuan kepada Kejohanan Olahraga Remaja Asia di Taiwan dan saya tidak akan menyertai Sukan Komanwel kerana ia berlangsung pada waktu sama Kejohanan Olahraga Remaja Dunia di Amerika Syarikat.

"April ini saya akan menyertai jelajah Eropah bagi menjalani sesi latihan dengan menyertai beberapa kejohanan kecil yang berlangsung di sana sebagai persiapan," katanya.

Sementara itu, satu lagi rekod baharu kejohanan dalam acara 10,000

meter jalan kaki lelaki menjadi milik seorang lagi atlet negara, Muhammad Khairil Harith Harun dari UPM yang berjaya meraih emas dengan catatan 48 minit 50.08 saat mengatasi rekod 50:09.35s.

Pemegang rekod sebelum ini, M. Satiyaseelan dari Politeknik Pulau Pinang terpaksa akur dengan perak selepas ketinggalan hampir tiga minit dengan catatan 51:37.30s manakala wakil Kuala Lumpur Metropolitan Universiti College, Muhammad Akram Ismail meraih gangsa dengan rekod 53:50.13s.

Muhammad Khairil melahirkan kegembiraan selepas berjaya menewaskan pemegang rekod kejohanan

dan pada masa sama tidak menjangkakan mampu memecah rekod dalam acara itu selain berhasrat memperbaiki catatan masa bagi melayakkan diri ke Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan.

"Bagi Sukan Asia saya akan menyertai acara 20,000 meter jalan kaki dan perlu mengatasi catatan masa 1 jam 27 minit untuk layak, pada masa ini catatan peribadi saya ialah 1 jam 29 minit.

"Saya juga mahu menyertai Sukan Universiti ASEAN (AUG) dan untuk semua ini saya perlu bekerja keras selain perbaiki segala kelemahan," katanya.



**AKSI** Lukman Hakim Ramlan ketika beraksi dalam acara lompat jauh SukIPT 2014, semalam.